

28/10/2001

PM mahu Filipina terima keputusan ICJ

Kadir Dikoh

SUBANG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Filipina harus menerima keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) Rabu lalu yang menolak permohonan Manila bagi mendapat kebenaran mencelah dalam perbicaraan kes tuntutan ke atas Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan.

"Biarlah... kita setuju nak rujuk kepada ICJ. Apabila kita pergi mahkamah, kita kena terimalah keputusan mahkamah walaupun kadang-kadang keputusan itu tidak menyenangkan kita," katanya di Pangkalan TUDM di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata demikian sebagai mengulas tindakan Filipina yang masih tidak berpuas hati terhadap keputusan ICJ yang menolak permohonan Manila untuk mencelah dalam isu tuntutan itu.

Kelmarin, Penolong Setiausaha Luar Filipina, Merlin Magallona berkata keputusan ICJ itu menafikan proses undang-undang yang sewajarnya bagi Filipina dan menegaskan keputusan itu tidak sedikitpun menjejaskan kewajaran tuntutan Manila terhadap Sabah.

Dr Mahathir berkata, berdasarkan pengalaman lalu, kerajaan akur dengan keputusan mahkamah walaupun ia tidak memihak kepada kerajaan dengan menyebut contoh keputusan mahkamah mengharamkan Umno pada satu ketika dahulu.

"Seperti di mahkamah lain, kita biasa menerima keputusan yang merugikan kita.. umpamanya keputusan mengharamkan Umno. Itu kita tak boleh buat apa, walaupun kita berpendapat keputusan itu tak kena, kita terpaksa terima," katanya, yang tiba daripada percutian di Korea Selatan dan Jepun selepas menghadiri sidang Kemuncak Apec di Shanghai minggu lalu.

Mengenai laporan akhbar kehadiran ahli Parlimen ketika sidang Dewan Rakyat semakin merosot, Perdana Menteri berkata beliau akan memberi perhatian kepada masalah itu.

Presiden ICJ, Gilbert Guillaume yang mempengerusikan perbicaraan membabitkan 14 hakim ICJ dan dua hakim ad-hoc mewakili kepentingan Malaysia dan Indonesia di The Hague, Belanda Rabu lalu, mendapati Filipina gagal membuktikan ia mempunyai kepentingan jelas dalam kes itu.

Guillaume berkata, Filipina juga gagal mengemukakan bukti kepentingan hak undang-undang negara itu akan terjejas mengikut tafsiran Perkara 41 Kaedah-Kaedah Mahkamah.

Selain itu, katanya, mahkamah mengambil kira faktor kelewatan Filipina memfailkan permohonan, dokumen atau bukti lain bagi menyokong permohonan mereka.

Berikutan itu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata keputusan ICJ itu menunjukkan pegangan Malaysia bahawa Sabah adalah wilayah negara ini mempunyai alasan perundangan yang kukuh.

(END)